

U GB 15-04 00193 BA166
bah

Mahathir - Kemboja
MALAYSIA GESA PBB BUAT PERSEDIAAN YANG CUKUP DI KEMBOJA

ALOR SETAR, 15 April (Bernama) -- Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) digesa mengadakan persediann yang cukup bagi menghadapi kemungkinan tercetusnya peperangan di Kemboja menjelang pilihan rayanya bulandepan. Perdana Menteci, natuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, berdasarkan kepada-perkembangan di Kemboja sekarang, Malaysia khuatir peperangan akan m e l e t u s .

Ketika bercakap kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan AbdulHalim di sini hari ini sebelum berlepas ke Melaka, beliau berkata, Malaysia tidak mahu pasukan tenteranya yang menyertai pasukan pengaman PBB di Kemboja terdedah kepada ancaman serangan puak Khmer Rouge tanpapersediaan Yang cukup.

"Kita ingin tahu apakah persediaan yang akan dibuat oleh PBB kalau jadi peperangan. Kita tidak hendak mendedahkan tentera kita yang tidak bersedia untuk peperangan kerana mereka berada di situ hanya untuk menjaga keamanan," katanya ketika diminta mengulas perkembangan terbaharu di Kemboja.

Laporan sebuah agensi hari ini menyebut puak radikal Khmer Rouge telah menutup pintu kepada proses perdamaian PBB menyebabkan timbulnya kebimbangan puak gerila akan mempertingkatkan serangan diseluruh negara itu untuk mensabotaj pilihan raya bulan depan. -- Lagi..

♥15/04/16-18MST

U GB 15-04 00153 BA167
bah

Mahathir - Kemboja 2 (Akhir) Alor Setar

Perdana Menteri berkata, Malaysia akan mematuhi apa juga keputusan PBB termasuk mempertahankan Kemboja sekiranya itu yang dikehendaki oleh PBB.

Bagaimanapun, katanya, sekiranya pasukan tentera Malaysia dikehendaki terlibat dalam peperangan itu, beliau menggesa supaya ia dilakukan dengan cara yang betul dan bersedia.

"Kalau hendak lawan, PBB kena beri bekalan yang cukup, kalau tidak, teraniaya sahajalah," katanya.

Dr Mahathir mencadangkan supaya PBB menyediakan bekalan senjata dan mengadakan persiapan yang cukup.

"Kita sudah janji kita akan patuh kepada apa juga keputusan PBB tetapi kita tak hendak tentera kita terpaksa mempertahankan Kemboja tanpa persiapan," katanya.

Dr Mahathir dan isteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamad Ali tiba di sini pagi ini untuk menghadiri majlis perasmian bangunan baru pejabat kerajaan negeri, Wisma Darul Aman, di Jalan Tunku Bendahara di sini oleh Sultan Kedah. -- Bernama.

♥15/04/16-26MST